



BAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA & ENDOWMEN,
JABATAN HASIL, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA,
TINGKAT 6, MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR, 55100 KUALA LUMPUR
No. Telefon : 03 – 42857015 / jhasil@mpaj.gov.my

BORANG PERMOHONAN SEWA PETAK LETAK KERETA KHAS

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

MAKLUMAT PERMOHONAN

1. NAMA SYARIKAT :
2. ALAMAT SYARIKAT :
-
-
3. NO. TELEFON :
4. E-MEL :
5. BILANGAN PETAK : 6. MASA PERNIAGAAN :
7. JALAN / LORONG :
8. JENIS PERNIAGAAN :
9. TUJUAN PENYEWAAN: PETAK KHAS BIASA PETAK KHAS 24 JAM

SAYA / KAMI MENGESAHKAN BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DIDALAM BORANG PERMOHONAN INI ADALAH BENAR DAN SAYA / KAMI AKAN MEMATUHI SEMUA SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BERHUBUNGAN DENGAN PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA KHAS.

.....
(TANDATANGAN DAN COP SYARIKAT)

.....
TARIKH

KEGUNAAN PEJABAT

SENARAI SEMAK :

1. SALINAN SSM / DAFTAR PERNIAGAAN
2. SALINAN LESEN PERNIAGAAN MPAJ
3. PELAN LOKASI @ GAMBAR PETAK
4. SEMAKAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

ULASAN PEGAWAI :

.....
(TANDATANGAN DAN COP)

.....
TARIKH

SYARAT-SYARAT AM KEMUDAHAN SEWA TEMPAT LETAK KERETA KHAS

1. Setiap permohonan baharu hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:
 - (i) Satu (1) salinan lesen perniagaan MPAJ (masih aktif)
 - (ii) Satu (1) salinan SSM / Daftar Perniagaan
 - (iii) Pelan lokasi / gambar petak
 - (iv) Pihak MPAJ akan membuat semakan tunggakan cukai taksiran. Tindakan lanjut akan diambil sekiranya premis mempunyai tunggakan cukai taksiran.
2. Kadar sewa bulanan bagi Petak Khas TLK adalah seperti berikut:-

JENIS PETAK KHAS	KADAR SEWAAN	CUKAI PERKHIDMATAN (6%)	JUMLAH
Biasa	RM240.00	RM14.40	RM254.40
24 jam	RM500.00	RM30.00	RM530.00
Fi Proses (baharu dan memperbaharui)	-	-	RM 50.00

3. Bagi permohonan pembaharuan (*renew*) petak, permohonan perlu dikemukakan **14 hari sebelum** tarikh penyewaan tamat.
4. Penyewa boleh memohon untuk menyewa bagi tempoh 3 bulan atau 6 bulan sahaja.
5. Bagi jenis perniagaan berikut adalah **WAJIB** menyewa Petak Khas TLK.

JENIS PERNIAGAAN	BILANGAN PETAK
Bengkel membaiki kenderaan (aircond/tayar/bateri/ketuk/servis dan lain-lain yang berkaitan)	2 - 3 petak
Pusat mencuci / mengilat kenderaan	1- 2 petak (jika laluan keluar adalah petak TLK)
Pusat jualan aksesori kenderaan (termasuk pameran dan jualan)	2 - 3 petak

(Bagi penyewaan petak ke-tiga, **diskaun 30%** akan diberikan kepada pemohon)

6. Bagi lain-lain aktiviti perniagaan dibenarkan menyewa satu (1) petak sahaja.
7. Waktu penyewaan bagi Petak Khas TLK Biasa adalah seperti berikut:-
Isnin - Jumaat : 8.00 pagi - 6.30 petang
Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am : Percuma
8. Selepas jam 6.30 petang hingga 8.00 pagi hari berikutnya serta hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am, orang awam boleh menggunakan petak tersebut (penyewaan petak khas biasa)
9. Tempat letak kereta yang disewa akan ditanda (cat garisan) berwarna merah.
10. Penyewa **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan sebarang aktiviti jualan atau meletakkan barang jualan, membina sebarang bentuk binaan kekal di atas petak khas yang disewa.
11. Tidak dibenarkan meletakkan khemah di atas Petak Khas TLK tanpa kelulusan permit.
12. Sekiranya penyewa tidak membuat bayaran pembaharuan setelah tamat tempoh, maka Petak Khas TLK akan dipadam dan dikenakan caj **RM200.00** jika ingin mengecat semula.
13. MPAJ tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kenderaan lain yang menggunakan Petak Khas TLK sepanjang tempoh operasi. Penyewa perlu mengawal sendiri Petak Khas TLK yang disewa.
14. MPAJ berhak untuk menarik semula/menamatkan penyewaan Petak Khas TLK ini pada bila-bila masa sekiranya terdapat aduan atau tidak lagi sesuai untuk disewakan.
15. MPAJ berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana syarat kemudahan Petak Khas Tempat Letak Kereta dari semasa ke semasa.
16. MPAJ **TIDAK AKAN** memulangkan baki bayaran Petak Khas jika pemohon ingin menamatkan penyewaan lebih awal dari tarikh tamat.
17. Sekiranya penyewa ingin menamatkan kemudahan ini, penyewa hendaklah memberitahu secara bertulis dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tamat penyewaan.
18. Semua bayaran hendaklah dibuat di kaunter bayaran MPAJ di Aras 4, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, 55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur dalam bentuk tunai atau cek bank. Lain-lain kaedah pembayaran akan dikemaskini dari semasa ke semasa.
19. Sekiranya syarat-syarat diatas tidak dipatuhi MPAJ boleh menamatkan penyewaan pada bila-bila masa. Segala keputusan pihak Majlis adalah muktamad.
20. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh hubungi Bahagian TLK & Endowmen. MPAJ di talian 03- 42857015.

Arahan : Timbalan Yang Dipertua, MPAJ.
11 Julai 2025.